



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	14/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPNP			

Siapa tebang balak di HSK Batu Talam?

RAUB: Aktiviti menanam pokok durian Musang King di Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam di sini didakwa hanya dilakukan setelah penebangan kayu balak dilakukan di kawasan tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Chow Yu Hui berkata, pekebun terlibat hanya melakukan penanaman selepas kawasan itu ditebang oleh pihak tertentu.

"Pekebun tidak pernah tebang pokok untuk tanam durian, tetapi ada pihak lain yang melakukan aktiviti penebangan balak dan membiarkan kawasan berkenaan tanpa penanaman semula hutan.

"Jadi, pekebun hanya menukarkan tanah yang ada kepada tanaman durian," katanya di sini semalam.

Kira-kira 15,000 pokok durian musang king yang ditanam di kawasan seluas 101 hektar di HSK Batu Talam dimusnahkan dalam masa sembilan hari Operasi Pamah sejak 3 Julai lalu.

Yu Hui berkata, tindakan menebang pokok durian itu menyebabkan pekebun yang telah lama mengusahakan kawasan itu kerugian besar memandangkan kos menanam dan menjaga durian adalah tinggi.

Sementara itu Presiden Save Musang King Alliance (Samka), Wilson Chang berkata, tindakan memusnahkan kebun durian Musang King di kawasan HSK Batu Talam menyebabkan pekebun durian terbeban selepas hilang mata pencarian.



DURIAN Musang King yang ditanam di Hutan Simpan Kekal Batu Talam selesai ditebang dalam masa sembilan hari Operasi Pamah di Raub, Pahang.

